



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



SOALAN LAZIM @ FREQUENTLY ASK QUESTIONS (FAQs)

1. Apakah itu iCEPS?

Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) merupakan sebuah pusat akademik di bawah Universiti Teknologi MARA (UiTM). Dengan fungsi sebagai *Strategic Business Unit (SBU)*, iCEPS beroperasi dengan perspektif berorientasikan perniagaan, menumpukan pada penjana pendapatan dan memupuk perkongsian global melalui hubungan dan rangkaian industri yang kukuh.

2. Apa itu 2U1i?

2U1i merupakan sebuah konsep yang digunakan dalam merangka struktur kurikulum program Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian). Dengan matlamat supaya graduan daripada program ini terus mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian, konsep ini memastikan pelajar hanya berada 2 (dua) tahun di Universiti (dengan syarat lulus setiap kursus yang diambil) dan 1 (satu) tahun di Industri.

3. Bolehkah pemohon Bukan Warganegara atau Penduduk Tetap memohon kemasukan ke program ini?

TIDAK BOLEH. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan berstatus Bumiputera Sahaja. Berikut merupakan takrifan taraf Bumiputera:

Negeri	Takrifan Bumiputera
Semenanjung	Jika salah seorang ibu ATAU bapa calon adalah seorang Melayu yang beragama Islam / Orang Asli seperti mana yang ditakrifkan dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan; maka anaknya adalah dianggap seorang Bumiputera.
Sabah	Jika bapa calon adalah seorang Melayu yang beragama Islam / Peribumi Sabah seperti mana yang ditakrifkan dalam Perkara 161 A (6) (b) Perlembagaan Persekutuan; maka anaknya adalah dianggap seorang Bumiputera.

Sarawak	Jika bapa DAN ibu calon adalah seorang Peribumi Sarawak seperti mana yang ditakrifkan dalam Perkara 161 A (6) (a) Perlembagaan Persekutuan; maka anaknya adalah dianggap seorang Bumiputera.
---------	--

4. Apakah Syarat Kemasukan ke program Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian)?

Syarat kemasukan ke program Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian) adalah tertakluk kepada Syarat Am Universiti dan Syarat Khas Program yang telah ditetapkan oleh iCEPS. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang iCEPS (<https://iceps.uitm.edu.my/index.php/home>).

5. Bilakah pengambilan pelajar bagi program ini?

Sesi pengambilan pelajar dilakukan hanya pada sesi **Oktober** setiap tahun (setahun sekali).

6. Apakah bentuk bantuan kewangan yang disediakan bagi pelajar?

Pelajar boleh memohon pinjaman pelajaran daripada **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** mengikut kelayakan.

7. Adakah saya perlu membeli nombor pin BSN untuk memohon?

TIDAK PERLU. Pemohon hanya perlu membuat bayaran wang proses sebanyak RM15.00 sebagai caj pemprosesan permohonan.

8. Adakah program Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian) diiktiraf oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA)?

Program Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian) telah mendapat *Provisional Accreditation* (PAS) dengan nombor rujukan **MQA/PSA16771**. Pelajar boleh menyemak kelulusan akreditasi tersebut melalui pautan berikut <https://www2.mqa.gov.my/pasp/> dengan memasukkan no. rujukan di atas.

9. Adakah saya dibenarkan mengemaskini maklumat permohonan selepas tarikh tutup permohonan kemasukan ke UiTM?

TIDAK BOLEH.

10. Adakah saya dibenarkan menukar program pengajian yang telah ditawarkan?

TIDAK BOLEH.

11. Adakah saya akan disenarai hitam jika menolak tawaran ini?
TIDAK.

12. Berapa lamakah tempoh pengajian bagi program Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian)?

Tempoh pengajian bagi program ini adalah selama 3 tahun berkonsepkan 2U1i (2 tahun di Universiti, 1 tahun di Industri).

13. Adakah pelajar layak mendapat kemudahan kolej kediaman?

Pelajar semester 1 adalah layak mendapat kemudahan Kolej Kediaman (tertakluk kepada kelulusan penempatan). Pelajar perlu bergiat aktif sekiranya masih ingin menetap di Kolej Kediaman pada semester 2 dan seterusnya.

14. Apakah Konsortium Industri?

Konsortium Industri merupakan sekumpulan syarikat yang telah berhasrat dan bersetuju dengan menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama iCEPS UiTM untuk mengambil pelajar-pelajar tahun akhir program sepenuh masa iCEPS bagi menjalankan latihan industri di tempat mereka.

15. Di manakah program Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian) ini ditawarkan?

Program ini hanya ditawarkan di UiTM Shah Alam sahaja. Kuliah akan dijalankan di bangunan UiTM-MTDC, UiTM Shah Alam (<https://maps.app.goo.gl/HXGsGvoAk9BNJcMUA>).

16. Apakah fasiliti dan kemudahan yang disediakan untuk pelajar?

Terdapat pelbagai kemudahan dan fasiliti yang terbaik disediakan untuk mahasiswa supaya mereka dapat bergiat secara aktif dan produktif sepanjang pengajian mereka di UiTM.

Antara kemudahan tersebut dari segi sukan dan rekreasi, kolej kediaman bagi siswa dan siswi, kelab dan persatuan, kemudahan dan fasiliti mesra mahasiswa (OKU), UiTM Wifi, kemudahan Pusat Kesihatan, pengangkutan seperti bas dan tempat-tempat menarik untuk diterokai oleh pelajar di dalam dan di luar kampus.

17. Di manakah saya boleh merujuk jadual Aktiviti Perkuliahan?

Jadual Aktiviti Perkuliahan boleh dirujuk melalui pautan berikut <https://hea.uitm.edu.my/v4/index.php/calendars/academic-calendar> . Pelajar boleh

memuat turun **Kalendar Akademik sesi 1** bagi program Pra-Diploma, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran berbentuk PDF untuk rujukan selanjutnya.

18. Adakah pelajar boleh membawa masuk kenderaan (motosikal atau kereta) persendirian ke kampus?

Bagi kategori pelajar yang menetap di Kolej Kediaman, pelajar hanya dibenarkan membawa motosikal sahaja dengan mempamerkan pelekat kenderaan (kategori pelajar). Hanya pelajar berstatus Non-Resident (NR) sahaja dibenarkan memasuki kawasan kampus dengan kereta (dengan syarat mempamerkan pelekat kenderaan kategori pelajar NR).

Untuk maklumat lanjut mengenai permohonan pelekat kenderaan kategori pelajar, pelajar boleh mengikut proses permohonan melalui pautan berikut <https://polisbantuan.uitm.edu.my/v3/index.php/muat-turun/pekeliling> dan klik Carta Alir Permohonan Pelekat Kenderaan UiTM (Kategori Pelajar) Tahun 2023 (<https://polisbantuan.uitm.edu.my/v3/images/MuatTurun/carta-alir.pdf>).

Ruang parkir disediakan bagi pelajar sepenuh masa iCEPS adalah di Padang Kawad, UiTM.

19. Siapa perlu dihubungi sekiranya pelajar mempunyai pertanyaan lanjut?

Pelajar boleh hubungi pegawai berikut:

En Nik Mohammad Aizat bin Fakri: 03- 5544 8234 (WhatsApp)

En Muhammad Nor Janatin bin Jamaludin: 03-5544 4955 (WhatsApp)

Atau emel aduan/pertanyaan kepada Alamat emel berikut: jppaiceps@uitm.edu.my dan cc kepada nikaizat@uitm.edu.my & janatin@uitm.edu.my